# BAHASA SARKASTIK DALAM LAMAN SOSIAL FACEBOOK

Oleh

EZZAH ‘AFIFAH BINTI NASRUDIN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Jun 2022**

**FBMK 2022 67**

© COPYRIGHT UPM

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia

**DEDIKASI**

*Allah yang maha pemurah dan maha mengasihani,*
*Akulah insan kerdil di duniaMu ini.*

*Ayah dan ibu sejati;*
*Sungguhpun pelbagai cabaran yang ku hadapi*
*Kuteruskan jua pengajian ini*
*Pengajian bahasa ibunda kita sendiri*

*Buat suami yang dikasihi, Sesungguhnya*
*kau sangat mengertiSelalu menyokong*
*dan simpati.*

*Anak-anak yang disayangi;*
*Nurul Izzah Amirah*
*Adam Anaqi*
*Terima kasih atas pengorbanan yang diberi*

*Para penyeliaku;*
*Andalah guru...*
*Yang setia mengajarku*
*Mengenali bahasa Melayu*
*Dengan lebih jitu*

*Yang kurik itu kundi, yang merah itu saga;Yang*
*baik itu budi, yang indah itu bahasa*

© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**BAHASA SARKASTIK DALAM LAMAN SOSIAL FACEBOOK**

**Oleh**

**EZZAH 'AFIFAH BINTI NASRUDIN**

**Jun 2022**

**Pengerusi : Norazlina Mohd Kiram, PhD**
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini menyingkap pengetahuan baharu dari aspek bentuk dan makna sarkastik. Hal ini demikian kerana bahasa sarkastik telah mengalami perubahan bentuk dan makna disebabkan berlakunya perkembangan teknologi Internet. Impaknya, bahasa sarkastik telah mengalami permasalahan dari sudut kekeliruan bentuk (Alva, 2016) dan percanggahan makna (Rockwell, 2005) sehingga bahasa sarkastik telah menjadi satu bahasa yang agak rumit untuk difahami (Penny, 2018). Justeru, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk merungkaikan bentuk dan makna sarkastik serta merumuskannya secara rinci.

Bagi mencapai tiga objektif kajian tersebut, reka bentuk kajian kualitatif dengan sokongan kaedah analisis kandungan telah digunakan. Sebanyak 120 status yang mempunyai tanda pagar sarkastik (#sarkastik) dalam laman sosial Facebook telah terkumpul dengan bermula pada bulan Julai 2017 sehingga Disember 2019. Data kualitatif ini dianalisis mengikut Model Gibbs (2000) kerana dapat memberikan panduan dalam merungkaikan bentuk dan makna tersirat dalam ucapan sarkastik. Tambahan lagi, Kamus Dewan Edisi Terkini (2016) juga digunakan bagi memperoleh makna tepat menerusi maklumat linguistik dan dapat memahami setiap makna tema yang ditemui dalam ucapan sarkastik agar tema tersebut bertepatan dengan perkara yang dibincangkan.

Secara keseluruhannya, terdapat enam bentuk sarkastik, iaitu ironi (56.5%), agresif (7.5%), humor (16%), hiperbola (3%), persoalan retorik (15%) dan kenyataan tidak benar (2%). Ini menunjukkan bahawa bentuk ironi adalah bentuk yang paling dominan digunakan untuk menyampaikan sarkastik. Bagi aspek makna pula, ucapan sarkastik sememangnya mengandungi percanggahan makna sebenar (tersirat), iaitu maksudnya berbeza dengan ucapan yang diungkapkan. Percanggahan ini dapat dikesan melalui persekitaran konteks.

© COPYRIGHT UPM

Menerusi penganalisisan bentuk dan makna dalam kajian ini juga dapat merumuskan penemuan tema dan sifat sarkastik yang terkandung di dalam ucapannya. Bagi tema sarkastik, terdapat lima tema yang dikenal pasti, iaitu politik (42.5%), sosial (34.1%), ekonomi (14.2%), pendidikan (5%) dan agama (4.2%). Berdasarkan peratusan tersebut, jelas menunjukkan bahawa tema yang paling dominan digunakan dalam menyampaikan sarkastik, ialah tema politik.

Selain itu, terdapat empat sifat utama dalam ucapan sarkastik, iaitu ketidakselarasan konteks, mempunyai ekspresi tersendiri, dapat menzahirkan emosi yang sebenar dan mempunyai tujuan sebenar disebalik ucapan. Kesimpulannya, kajian ini dapat memberikan impak yang positif kepada masyarakat dengan menyingkap pengetahuan baharu dari aspek bentuk dan makna, di samping meningkatkan lagi pengetahuan dan panduan tentang bahasa sarkastik yang digunakan pada era ini.

Kata Kunci: Bahasa sarkastik, laman sosial Facebook, #sarkastik, Model Gibbs (2000)

© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**SARCASTIC LANGUAGE IN SOCIAL FACEBOOK**

By

**EZZAH ‘AFIFAH BINTI NASRUDIN**

**June 2022**

**Pengerusi : Norazlina Mohd Kiram, PhD**
**Fakulti : Modern Language and Communication**

This study reveals new knowledge from the aspect of sarcastic form and meaning. This is because sarcastic language has undergone a change in form and meaning due to the development of Internet technology. As a result, sarcastic language has experienced problems from the point of confusion of form (Alva, 2016) and contradiction of meaning (Rockwell, 2005) so that sarcastic language has become a rather complicated language to understand (Penny, 2018). Therefore, the objective of this study was conducted to unravel the form and meaning of sarcasm and formulate it in details.

In order to achieve the three objectives of the study, a qualitative study design with the support of content analysis methods was used. A total of 120 statuses that have a sarcastic fence sign (#sarcastic) in the Facebook social site have been collected starting from July 2017 until December 2019. This qualitative data is analyzed according to the Gibbs Model (2000) because it can provide guidance in unraveling the implicit form and meaning in sarcastic speech. In addition, the Latest Edition Hall Dictionary (2016) is also used to obtain the exact meaning through linguistic information and to be able to understand each meaning of the theme found in the sarcastic speech so that the theme coincides with the matter discussed.

Overall, the findings of the study show that there are six forms in sarcastic delivery, namely irony (56.5%), aggressiveness (7.5%), humor (16%), hyperbole (3%), rhetorical questions (15%) and untrue statements (2%). This shows that the form of irony is the most dominant form used to convey sarcasm. As for the aspect of meaning, it was found that sarcastic speech indeed contains a contradiction of the real meaning. This contradiction of meaning can be detected through the context environment. Based on the analysis of the form and meaning of sarcastic, it can be concluded that sarcasm ironically (subtle) is the most



© COPYRIGHT UPM

dominant form used to express the true feelings of the speaker and behind the sarcastic speech contains an implied meaning that has a specific message to convey to the audience. Therefore, the meaning of the context is taken into account to get the true meaning of sarcastic speech.

Through the analysis of form and meaning in this study, the discovery of themes and sarcastic nature contained in his speech can also be formulated. For sarcastic themes, there are five themes identified, namely politics (42.5%), social (34.1%), economy (14.2%), education (5%) and religion (4.2%). Based on the percentage, it clearly shows that the most dominant theme used in conveying sarcasm is the political theme. In addition, there are four main properties in sarcastic speech, namely context incoherence, having its own expression, being able to express real emotions, and having a real purpose behind the speech. In conclusion, this study can have a positive impact on the community by revealing new knowledge from the aspects of form and meaning, in addition to increasing knowledge and guidance about sarcastic language used in this era.

Keywords: Sarcastic language, Facebook social site, #sarcastic, Gibbs Model (2000).

© COPYRIGHT UPM

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah rahmat dan izin- Nya dapat saya menyempurnakan penyelidikan ini. Buat ayahanda Nasrudin bin Talib dan arwah bonda Ummi Faizah yang tercinta, terima kasih tidak terhingga atas kata-kata nasihat dan iringan doa kalian yang telah menguatkan semangat anakanda untuk terus mengorak langkah dalam perjuangan menuntut pengajian ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga buat Pengerusi Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Prof. Madya Dr. Norazlina Mohd Kiram dan penyelia bersama, iaitu Dr. Zuraini Jusoh serta Dr. Rozita Che Rodi yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan selama pengajian di UPM ini, amat saya hargai.

Buat suami, anak-anak dan adik beradik yang sentiasa memberikan sokongan kepada saya untuk terus berjaya. Sesungguhnya kalian semua adalah pemangkin kejayaan saya. Terima kasih untuk semuanya. Semoga Allah jua membalas jasa baik kalian.

© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Norazlina binti Hj. Mohd Kiram, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Zuraini binti Jusoh, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

**Rozita binti Che Rodi, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

______________________________
**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Januari 2023

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- setiap perkataan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik dan hak cipta tesis ini adalah hak mutlak Universiti Putra Malaysia mengikut Peraturan Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada palgiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: ________________________ Tarikh: __________________

Nama dan No. Matrik: Ezzah ‘Afifah binti Nasrudin

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedahkaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: ______________________________
Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: ______________________________

Tandatangan: ______________________________
Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: ______________________________

Tandatangan: ______________________________
Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: ______________________________

© COPYRIGHT UPM

## JADUAL KANDUNGAN


| | | | Muka Surat |
|---|---|---|---|
| **ABSTRAK** | | | **i** |
| **ABSTRACT** | | | **iii** |
| **PENGHARGAAN** | | | **v** |
| **PENGESAHAN** | | | **vi** |
| **PERAKUAN** | | | **viii** |
| **SENARAI JADUAL** | | | **xii** |
| **SENARAI RAJAH** | | | **xiv** |
| **BAB** | | | |
| **1** | **PENDAHULUAN** | | 1 |
| | 1.1 | Latar Belakang Kajian | 1 |
| | 1.2 | Penyataan Masalah | 5 |
| | 1.3 | Objektif Kajian | 6 |
| | 1.4 | Persoalan Kajian | 6 |
| | 1.5 | Batasan Kajian | 6 |
| | 1.6 | Kepentingan Kajian | 7 |
| | 1.7 | Definisi Operasional | 9 |
| | 1.8 | Kesimpulan | 11 |
| **2** | **SOROTAN KAJIAN** | | 12 |
| | 2.1 | Pengenalan | 12 |
| | 2.2 | Kajian Bentuk Bahasa Sarkastik dalam Kalangan Masyarakat | 12 |
| | 2.3 | Kajian Bahasa Sarkastik dalam Perolehan Makna Tersirat | 19 |
| | | 2.3.1 Kajian Makna Secara Implisit | 23 |
| | 2.4 | Kajian Bahasa Sarkastik dalam Laman Media Sosial | 33 |
| | 2.5 | Perkaitan antara Kajian Terdahulu dengan Kajian yang Dijalankan | 41 |
| | 2.6 | Kesimpulan | 43 |
| **3** | **METODOLOGI** | | 44 |
| | 3.1 | Pengenalan | 44 |
| | 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 44 |
| | 3.3 | Kerangka Teori | 46 |
| | 3.4 | Kamus Dewan | 53 |
| | 3.5 | Kaedah Analisis Kandungan | 54 |
| | 3.6 | Data Kajian | 54 |
| | 3.7 | Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian | 55 |
| | 3.8 | Langkah Pengumpulan Data | 56 |
| | 3.9 | Langkah Penganalisisan Data | 59 |
| | 3.10 | Kerangka Kajian | 62 |




© COPYRIGHT UPM

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4 | **DAPATAN KAJIAN** | | 63 |
| | 4.1 | Pengenalan | 63 |
| | 4.2 | Pengklasifikasian Bahasa Sarkastik dalam Laman Sosial Facebook | 63 |
| | 4.3 | Makna Sarkastik dalam Laman Sosial Facebook | 86 |
| | | 4.3.1 Sarkastik secara Ironi | 86 |
| | | 4.3.2 Sarkastik secara Agresif | 92 |
| | | 4.3.3 Sarkastik secara Humor | 97 |
| | | 4.3.4 Sarkastik secara Hiperbola | 101 |
| | | 4.3.5 Sarkastik secara Persoalan Retorik | 105 |
| | | 4.3.6 Sarkastik secara Kenyataan Tidak Benar | 108 |
| | 4.4 | Merumuskan Bahasa Sarkastik dalam Laman Sosial Facebook | 112 |
| | | 4.4.1 Bentuk dan Makna Sarkastik dalam Laman Sosial Facebook | 112 |
| | | 4.4.2 Bahasa Sarkastik dalam Pelbagai | 117 |
| | | 4.4.3 Sifat Sarkastik dalam Laman Sosial Facebook | 121 |
| 5 | **RUMUSAN DAN CADANGAN** | | 124 |
| | 5.1 | Pengenalan | 124 |
| | 5.2 | Rumusan | 124 |
| | 5.3 | Implikasi Kajian | 126 |
| | 5.4 | Cadangan Kajian | 126 |
| | 5.5 | Penutup | 128 |

**RUJUKAN** 129
**BIODATA PELAJAR** 138
**SENARAI PENERBITAN** 139


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL


| Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1 | Sistem Pengekodan Binari | 57 |
| 2 | Kekerapan Data Mengikut Bulan dan Tahun | 57 |
| 3 | Pengekodan Data Sarkastik | 58 |
| 4 | Pengkategorian Data Sarkastik dalam Laman Sosial Facebook | 58 |
| 5 | Pengklasifikasian Bentuk Bahasa Sarkastik dalam Laman Sosial Facebook | 64 |
| 6 | Data S111 (6/7/2017) | 86 |
| 7 | Data S79 (13/11/2017) | 87 |
| 8 | Data S101 (25/9/2017) | 88 |
| 9 | Data S33 (29/1/2018) | 89 |
| 10 | Data S69 (7/11/2018) | 90 |
| 11 | Data S76 (18/12/2017) | 91 |
| 12 | Data S85 (12/8/2017) | 92 |
| 13 | Data S59 (18/5/2018) | 93 |
| 14 | Data S77 (9/11/2017) | 93 |
| 15 | Data S104 (27/7/2017) | 94 |
| 16 | Data S67 (3/7/18) | 95 |
| 17 | Data S119 (3/11/2017) | 96 |
| 18 | Data S8 (3/12/2019) | 97 |
| 19 | Data S83 (16/11/2017) | 98 |
| 20 | Data S55 (16/6/2018) | 98 |
| 21 | Data S34 (1/6/2018) | 99 |
| 22 | Data S66 (18/12/2018) | 100 |
| 23 | Data S7 (15/10/2019) | 101 |
| 24 | Data S24 (21/4/2018) | 101 |
| 25 | Data S51 (24/5/2018) | 102 |
| 26 | Data S40 (26/9/2018) | 103 |
| 27 | Data S47 (9/3/ 2018) | 104 |
| 28 | Data S52 (8/5/2018) | 105 |




© COPYRIGHT UPM

| | | |
|---|---|---|
| 29 | Data S65 (19/8/2018) | 106 |
| 30 | Data S87 (7/10/2017) | 106 |
| 31 | Data S120 (15/11/2017) | 107 |
| 32 | Data S4 (15/10/2019) | 108 |
| 33 | Data S1 (31/12/2019) | 109 |
| 34 | Data S58 (19/5/2018) | 109 |
| 35 | Data S73 (24/5/2018) | 110 |


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI RAJAH


| Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1 | Klasifikasi Pengesanan Sarkastik Berdasarkan Ciri-Ciri Teks | 20 |
| 2 | Ilustrasi Model Konteks untuk Mengesan Sarkastik | 22 |
| 3 | Pemprosesan Bahasa Semula Jadi (NLP) | 40 |
| 4 | Reka Bentuk Kajian Kualitatif | 45 |
| 5 | Proses Menentukan Makna Sarkastik | 53 |
| 6 | Strategi untuk Meningkatkan Kesahan dan Kebolehpercayaan | 55 |
| 7 | Proses Memahami Data | 60 |
| 8 | Sifat Menegak Penulisan Laporan Kajian Kualtitatif | 61 |
| 9 | Kerangka Kajian | 62 |
| 10 | Struktur Mengesan Sentimen Positif “Kaya” dalam Situasi Negatif “Pemalas” | 88 |
| 11 | Struktur Mengesan Sentimen Positif “Tahniah” dalam Situasi Negatif “Pesta Arak” | 87 |
| 12 | Tema Sarkastik dalam Laman Sosial Facebook | 117 |


© COPYRIGHT UPM

# BAB 1

# PENDAHULUAN

.

## 1.1 Pengenalan

Bahasa adalah satu konsep umum yang menjadi dasar dalam perhubungan. Masyarakat hanya dapat disatukan secara efisien melalui bahasa. Bahasa sebagai alat komunikasi, alat berfikir, dan alat yang berupaya untuk menyatakan ekspresi diri baik secara tersurat mahupun yang tersirat. Unsur-unsur ekspresi diri ini dapat membantu individu dalam meluahkan keinginan dan semua tekanan emosi (Keraf, 1997 dalam Hasyuda, 2016). Justeru, manusia sememangnya perlukan suatu medium untuk melawan bicara dengan individu yang lain melalui proses interaksi lisan dan bukan lisan antara penutur dan penerima dengan tujuan untuk mencipta perkongsian makna (Yoder, et al.,1996 dalam Mat Zizi et al., 2020). Melalui kepentingan ini, bahasa telah berfungsi sebagai alat komunikasi.

Dalam komunikasi seharian, bahasa boleh diterapkan melalui pelbagai kaedah,iaitu secara lisan (pertuturan) mahupun tulisan. Lazimnya, penutur akan menggunakan kaedah tersendiri ketika berkomunikasi. Melalui kepelbagaian kaedah bahasa ini, lahirlah bahasa yang beragam. Bahasa yang beragam ini dapat difahami sebagai jenis bahasa yang khas digunakan dalam pertuturan atau tulisan. Bahasa beragam ini sememangnya mampu untuk menguatkan tujuan kata dan mempertajam hasilnya melalui fahaman pendengar atau pembaca (Zainal Abidin, 1965 dalam Norazilah et al., 2020). Oleh itu, ragam bahasa dianggap sebagai kemuncak ketinggian nilai dalam sesuatu bahasa itu.

Jika ditelusuri budaya Melayu, masyarakatnya gemar mempelbagaikan ragam bahasa ketika berkomunikasi. Zainal Abidin dalam Mohd Hazreen Shah dan Mohd Roslan (2016) telah mengutarakan pendapat bahawa ragam bahasa lazimnya meliputi bahasa sindiran, bahasa tempelak, bahasa herdik, bahasa seruan, bahasa berulang, bahasa melampau dan bahasa jenaka. Setiap ragam bahasa yang dinyatakan itu diujarkan dengan cara yang berbeza, iaitu secara langsung (tersurat) mahupun secara tidak langsung (tersirat). Amat JuhariMoain (2000) dalam Nur Atikah Ibrahim Maslida Yusof (2020) menyatakan bahawa manifestasi bahasa beragam ini jelas ditemui ketika penutur mengujarkan sesuatu dengan niat menyindir, menasihati, menyuarakan pendapat mahupun perasaan.

Amalan penggunaan bahasa beragam ini telah dipraktikkan sekian lama sehingga menjadi sebati pada jiwa masyarakat Melayu. Jika diteliti dengan lebih mendalam perihal sesuatu bahasa yang bersifat ragam ini,



© COPYRIGHT UPM

penggunaan bahasa sindiranlah yang amat popular dalam kalangan masyarakat Melayu. Kini, bahasa sindiran telah mengalami banyak perubahan dari segi konteks dan penggunaannya. Perubahan ini berlaku disebabkan berlakunya perkembangan teknologi, iaitu kemunculan Internet berkelajuan tinggi (Anang, 2016).

Kemunculan Internet ini telah membolehkan pengguna bahasa dapat berinteraksi dunia luar dengan menggunakan perkhidmatan laman sosial, seperti Facebook, Twitter, Instagram dan sebagainya (Sa'diah, 2015). Penggunaan laman sosial ini telah dilihat sebagai revolusi terkini yang dapat menghubungkan antara individu dengan individu yang lain secara pantas. Rangkaian sosial ini sememangnya telah membawa satu fenomena baharu dalam negara sehingga tidak dapat dielakkan dan ia dianggap penting kepada masyarakat. Bagi rangkaian sosial yang paling popular di Malaysia, ialah Facebook.

Facebook merupakan salah satu perkhidmatan rangkaian sosial dan laman web yang diperkenalkan pada tahun 2004 oleh Mark Zuckerberg. Perkembangan Facebook ini telah mewujudkan fenomena yang tersendiri di seluruh pelosok dunia. Hal ini demikian kerana penggunaan Facebook bukan lagi hanyalah untuk berinteraksi secara peribadi, malah berkembang sebagai medium perantara dalam menyampaikan maklumat, pendidikan, perniagaan, mahupun perkongsian gambar dan video (Rusdi, 2013). Tambahan lagi, motif menggunakan Facebook adalah untuk mengekalkan hubungan, mencari teman baharu, menyertai komuniti maya, menghiburkan, dan merasa hebat dengan mendedahkan diri ke serata dunia (Sheldon, 2008; Sejrup, 2009). Justeru, penggunaan Facebook ini telah meningkat sehingga mencapai peratusan yang tertinggi di Malaysia.

Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan survey mengenai laman jaringan sosial yang paling popular di Malaysia oleh Persatuan Digital Malaysia (MDA) yang telah mendapati jumlah pengguna berdaftar bagi laman sosial Facebook, adalah sebanyak 8 juta orang. Selain itu, statistik yang dikeluarkan oleh Persatuan Pengguna Siber Malaysia (2018) juga telah menunjukkan sebanyak 97.8% rakyat Malaysia menggunakan laman media sosial Facebook berbanding yang lain. Kesan daripada penggunaan laman media sosial ini telah menyebabkan berlakunya pertembungan budaya sehingga menyebabkan bahasa sindiran kini lebih dikenali sebagai bahasa sarkastik (selepas ini akan disebut sebagai sarkastik) (Johardy, 2013).

Sebenarnya, istilah sarkastik ini telah lama diperkenalkan oleh ahli bahasa dari luar dan dalam negara. Jika ditinjau sejarah pengenalan bahasa sarkastik ini, ia berasal daripada bahasa Yunani yang merujuk pada istilah sarkasmos. Tarigan dalam Kusyani dan Rabiatul Adawiyah (2021) menyatakan bahawa sarkasmos bermaksud merobek-robek daging seperti anjing. Hal ini menunjukkan bahawa sarkastik ini lebih mengekspresikan celaan, hinaan dan sebagainya. Berdasarkan maksud tersebut, Keraf (2010)



© COPYRIGHT UPM

telah memberikan definisi bahawa sarkastik merupakan sesuatu bahasa yang dibicarakan dengan penuh cemuhan disebabkan kemarahan yang tidak boleh dikawal oleh penutur. Lazimnya, ujaran yang disampaikan itu mengandung perkataan kesat atau kasar.

Jika dirujuk dari sudut etimologi pula, istilah sarkastik berasal daripada negara Perancis yang disebut sebagai sarkazo. Perkataan ini bermaksud “hati yang telah tertusuk”. Oleh hal yang demikian, ahli bahasa berpendapat bahawa sarkazo ini merupakan suatu bahasa yang boleh mengguris hati terhadap pendengar atau pembaca. Kemudian, istilah ini telah mengalami perubahan seiring dengan peredaran zaman. Hal ini dibuktikan apabila perkataan sarkazo telah ditukarkan pada Sarx-sarkos dan kini, ia lebih dikenali sebagai sarkastik atau sarcasm (Cummings, 2007).

Perubahan bahasa sarkastik ini juga turut berlaku dari sudut penggayaan dan maknanya (Grice, 1975). Sebagai contoh, masyarakat di Amerika Timur masih mengekalkan konteks yang sama, iaitu bahasa sindiran yang tajam. Namun, istilah sarkastik di Amerika Barat lebih terkenal sebagai bahasa sindiran yang bersifat humor (Dress et.al., 2008). Begitu juga halnya dengan masyarakat Melayu yang turut mengalami perubahan penggunaan bahasa sarkastik. Jika ditinjau budaya masyarakat Melayu itu sendiri lebih gemar menggunakan bahasa sindiran yang halus sebagai tujuan untuk menegur perbuatan seseorang. Daripada realiti ini, dapat dikatakan bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan adab ketika berkomunikasi dan ia sudah sebati dalam budaya Melayu sehingga menjadi warisan budaya yang sentiasa dipelihara (Noriah, 2010).

Akan tetapi, pada mutakhir ini didapati bahawa bahasa sarkastik dalam kalangan masyarakat Melayu telah mengalami perubahan dari sudut penyampaiannya. Di Malaysia, istilah sarkastik ini merujuk sindiran kasar dan tajam sehingga mampu mencetuskan kemarahan terhadap individu yang menjadi sasarannya. Penggunaan bahasa sarkastik dalam ujaran ini telah melanggar etika dalam berkomunikasi (Farida, 2017). Berdasarkan penyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa tidak semua penggunaan bahasa sarkastik itu sama dari sudut pengggayaannya kerana ia mengikut budaya, jantina dan sebagainya.

Bukan itu sahaja, penyampaian sarkastik ini memerlukan pemahaman yang mendalam oleh penutur dan pendengar supaya dapat menginterpretasikan makna dengan tepat dalam sesuatu ujaran. Hal ini demikian kerana ucapan sarkastik itu memiliki makna implisit. Implisit ini bermaksud sesuatu yang tidak dinyatakan secara terang-terangan. Menurut Thomas:



© COPYRIGHT UPM

> “*People do not always or even usually say what they mean. Speaker frequently mean much more than their words actually say*.”
>
> (Jenny Thomas, 1995)

Sehubungan dengan itu, pendengar sememangnya perlu membuat tafsiran yang mendalam terhadap sesuatu ujaran yang didengari. Semasa membuat tafsiran makna, aspek-aspek seperti konteks dan niat penutur tidak harus diketepikan oleh pendengar. Justeru, penyampaian sarkastik dalam kalangan masyarakat Melayu ini bukan sahaja disampaikan secara terang-terangan, bahkan juga secara berlapik. Atas kesedaran perubahan ini, perbincangan tentang bahasa sarkastik telah mula dilakukan oleh pengkaji.

Ahli bahasa beranggapan bahawa bahasa sarkastik adalah suatu bahasa yang menarik kerana tidak semua individu menggayakan bahasa sarkastik yang sama (Toplak & Katz, 2000). Selain itu, bahasa ini juga turut berfungsi mengikut penerimaan pendengar atau pembaca. Bersangkutan dengan hal ini, Frank (2009) telah menyatakan bahawa ungkapannya adalah bertentangan daripada makna yang sebenar. Oleh hal yang demikian, pendengar atau pembaca terpaksa membuat tafsiran yang mendalam terhadap sesuatu ujaran yang didengarinya.

Situasi ini seolah-olah menggambarkan keistimewaan yang ada pada penggunaan bahasa sarkastik dalam kalangan masyarakat Melayu dari sudut pertuturan mahupun tulisan. Ia telah menjadikan suatu tarikan bahasa Melayu untuk dikaji. Pengkajian ini bukan sahaja menyentuh kepada sentimen bahasa itu sahaja, tetapi yang lebih menarik adalah melibatkan aspek makna. Hal ini demikian kerana disebalik bahasa yang diujarkan itu, terdapat suatu makna yang tersirat dalam bahasa itu. Tambahan pula, sifat masyarakat Melayu itu sendiri gemar bertutur secara berlapik atau secara tidak langsung terutama ketika menyampaikan sindiran agar tidak menyinggung perasaan penerimanya.

Lantaran daripada itu, bahasa sarkastik telah membuka ruang penyelidikan khususnya penerokaan makna yang menjadi jambatan untuk menghubungkan bidang bahasa dengan bidang ilmu yang lain (Gibbs, 1986; Gibbs & Colston, 2007; Utsumi, 2002). Bertitik tolak dengan kenyataan ini, Gibbs (2000) berpendapat bahawa pendekatan sarkastik ini mampu melahirkan kreativiti dan kepandaian dalam pemikiran. Sungguhpun demikian, penerimaan sesuatu bahasa ini amatlah bergantung pemikiran kepada kawalan emosi penerima. Justeru, sebagai pengguna bahasa haruslah berfikir secara abstrak kerana ia memerlukan tafsiran yang sangat mendalam.

© COPYRIGHT UPM

## 1.2 Penyataan Masalah

Masyarakat Melayu pada masa ini gemar menggunakan bahasa sarkastik untuk tujuan menyindir, mengejek, dan mengkritik seseorang (Azura, 2017). Namun begitu, masyarakat bahasa sering mengalami kegagalan dalam mengesan kehadiran sarkastik dalam ucapan kerana sukar untuk mengenali bentuk dan maknanya dengan baik (Toplak, 2000). Perkara ini berlaku disebabkan pertembungan budaya luar menerusi laman media sosial. Impaknya, pengguna bahasa mengalami kekeliruan dari aspek bentuk sarkastik (Alva, 2016). Justeru, pendekatan dalam mengesan bentuk sarkastik amat perlu kerana dapat membantu pendengar untuk menentukan bahawa ucapan tersebut mengandungi sarkastik ataupun sebaliknya.

Jika ditinjau pendekatan yang dibuat daripada kajian tempatan kebanyakannyamenemui satu bentuk sarkastik sahaja, iaitu agresif (kesat atau kasar) sahaja (Suhairi et. al., 2018). Walhal, kajian luar seperti barat menunjukkan bahawa sarkastik dapat ditemui dalam pelbagai bentuk, seperti humor (Burton, 2010), ironi (Frencesco et. al., 2014), hiperbola (Florian et. al., 2015) dan sebagainya. Berikutan daripada itu, ramai pendengar atau pembaca masih tidak dapatmengesan sarkastik dengan baik dan dianggap bahawa bahasa sarkastik ini merupakan suatu bahasa yang agak rumit untuk difahami (Penny, 2018). Perkara ini menunjukkan jurang kajian dari sudut teori dan empirikal (kaedah pengumpulan data) yang digunakan dalam sorotan kajian tempatan.

Tambahan lagi, kekeliruan bentuk sarkastik ini juga telah menyebabkan percanggahan dari sudut makna (Gibbs, 2000). Hal ini demikian kerana ujaran sarkastik banyak disampaikan secara halus dan tersirat. Natijahnya, bahasa sarkastik ini disifatkan sebagai bahasa yang kurang jelas dari sudut pemahaman maknanya (Rockwell, 2005). Hal ini sekali gus memberikan implikasi terhadap ketepatan makna. Ketepatan makna ini pula, tidak dapat diukur hanya berdasarkan ungkapan sahaja kerana makna itu boleh diinterpretasi dalam pelbagai bentuk seperti pengalaman penutur dan pendengar, persekitaran dan sebagainya. Atas faktor inilah, yang dapat mempengaruhi penerimaan seseorang terhadap mesej sarkastik. Impak daripada percanggahan makna ini, ramai pengguna bahasa masih belum memahami sepenuhnya makna tersirat bahasa sarkastik dengan baik (Suhairi et. al., 2018).

Bertitik tolak daripada permasalahan di atas, para pengkaji telah melakukan pelbagai pendekatan untuk merungkai permasalahan tersebut, seperti penggunaan leksikal (unigram, bigram dan n-gram), tanda baca, sistem *programming* dan set algoritma untuk mengesan sarkastik, serta pendekatan pragmatik (emotikon). Namun begitu, terdapat kelompangan kajian lepas yang mendapati kesukaran dalam merungkai makna dengan lebih rinci kerana lebih tertumpu kepada pengesanan bentuk sarkastik. Selain itu,



© COPYRIGHT UPM

sistem pengesanan sarkastik yang dibangunkan juga tidak dapat diaplikasikan sepenuhnya kerana hanya bahasa tertentu sahaja yang disetkan dalam sistem (Bharti et.al., 2015). Justeru, untuk mengatasi masalah kelompangan kajian lepas, maka kajian ini telah menggunakan pendekatan Model Gibbs (2000) yang menggabungkan analisis bentuk dan makna sarkastik bagi menghasilkan sebuah kajian yang lebih menyeluruh dan diakhir nanti, kajian ini dapat memaparkan satu penemuan baharu tentang sarkastik dalam laman sosial Facebook pada era ini.

## 1.3 Objektif Kajian

Objektif khusus yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

i. mengklasifikasikan bentuk bahasa sarkastik menerusi status (#sarkastik) dalam laman sosial Facebook dengan menggunakan Model Gibbs (2000).

ii. menganalisis makna tersirat bahasa sarkastik dalam laman sosial Facebook dengan menggunakan Model Gibbs (2000).

iii. merumuskan bahasa sarkastik dalam laman sosial Facebook.

## 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dikemukakan, beberapa soalan kajian akan dijawab melalui kajian ini.

i. Apakah bentuk sarkastik yang terdapat dalam laman sosial Facebook di Malaysia?

ii. Adakah bahasa sarkastik mengandungi makna tersirat?

iii. Bagaimanakah penyampaian bahasa sarkastik dalam laman sosial Facebook pada era ini?

## 1.5 Batasan Kajian

Kajian ini telah terbatas kepada kajian bahasa sarkastik dalam laman sosial Facebook yang diberikan tumpuan pada aspek bentuk dan maknanya. Pemilihan laman sosial Facebook telah dijadikan sebagai bahan kajian kerana laman tersebut telah memperoleh peratusan tertinggi dalam kalangan pengguna (Nizam, 2016) dan ia dijadikan sebagai satu platform oleh masyarakat untuk mengemukakan sesuatu isu dan mesej tertentu menerusi bahasa tersebut. Kemudian, data yang diambil dalam laman Facebook ini adalah daripada status



© COPYRIGHT UPM

yang dimuat naik oleh pengguna berdasarkan penggunaan tanda pagar sarkastik (#sarkastik). Ruang lingkup masa pengumpulan data kajian yang dijalankan ini adalah bermula pada bulan Julai 2017 hingga Disember 2019 kerana sepanjang tempoh ini, terdapat banyak penggunaan tanda pagar sarkstik yang dimuat naik oleh pengguna laman sosial Facebook berkenaan isu-isu semasa yang berlaku dalam negara. Misalnya, isu politik, ekonomi, agama dan sebagainya seperti yang terdapat daripada perbincangan pengguna laman sosial Facebook. Bagi memperkukuhkan lagi kajian ini, pengkaji akan menggunakan teknik analisis kandungan dan pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan ini, ialah pendekatan Model Gibbs (2000) yang telah memperkenalkan bentuk sarkastik, iaitu ironi, agresif, humor, hiperbola, persoalan retorik dan kenyataan tidak benar. Pendekatan model ini mampu untuk menghuraikan bentuk dan makna pada penulisan sarkastik dengan lebih mendalam. Tambahan lagi, kajian ini juga menggunakan Kamus Dewan Edisi Terkini (2016) bagi meneliti makna setiap perkataan yang digunakan dalam ucapan sarkastik agar membantu pengkaji untuk mengesan percanggahan makna dalam konteks dan juga melihat makna tema yang digunakan ketika menyampaikan sarkastik.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Telah sedia maklum bahawa bahasa sarkastik sering digunakan oleh masyarakat Melayu dengan menggunakan pelbagai bentuk sehingga berlakunya kekeliruan dalam penyampaiannya. Sehubungan dengan itu, kajian ini amat penting kerana dapat memberikan pengetahuan tentang bentuk sarkastik yang digunakan oleh masyarakat pada era ini. Jika pengetahuan ini dapat disampaikan kepada masyarakat bahasa, tidak mustahil ia akan dapat membantu untuk mengenali ciri-ciri bahasa sarkastik kini, dan sekali gus dapat memperlihatkan kelainan bentuk yang digunakan oleh masyarakat pada era ini.

Selain itu, kajian ini bukan sahaja ingin memaparkan kelainan bentuk sarkastik yang digunakan pada era ini, tetapi juga dapat memberikan panduan kepada pengguna bahasa tentang cara untuk memahami makna bagi sesuatu ucapan sarkastik. Kemahiran yang terhasil ini akan menjadikan pengguna bahasa lebih matang dalam berinteraksi dan sekali gus meningkatkan kecekapan dalam mengesan sarkastik ketika menggunakannya dalam perbualan (Martin, 2020). Oleh itu, dengan adanya kajian sebegini, ia bukan sahaja dapat merungkaikan permasalahan tentang aspek bentuk dan makna, bahkan juga dapat mencerminkan aspek pemikiran dalam masyarakat Melayu (Hassan Ahmad, 2016).

Bukan itu sahaja, isu kesantunan berbahasa juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya kerana kesopanan berbahasa mempunyai hubunganyang erat dengan aspek nilai moral dan budaya dalam usaha melahirkan insan yang bersahsiah tinggi. Perkara ini sejajar dengan pendapat Ding Choo Ming (2005) bahawa kesopanan berbahasa melibatkan nilai, moral, etika, budi bahasa dan



© COPYRIGHT UPM

keperibadian yang menjadi “penjaga” budaya masyarakat di Malaysia dan bahasa itu pula, “penjaga” etika, sopan santun, budi bahasa, dan sebagainya. Pendapat ini memperjelas bahawa aspek kesantunan berbahasa amat berhubung erat dengan budaya, etika, nilai dan moral.

Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, kajian ini juga dapat membantu masyarakat untuk membuka ruang dan minda mereka tentang peri pentingnya kesantunan bahasa dalam menyampaikan teguran, nasihat, kritikan dan sebagainya kerana pemilihan kata yang sopan amat penting untuk mendidik dan membina moral bangsa. Bahasa yang kaya dengan unsur kesantunan ketika berbahasa dalam apa jua keadaan ini dapat mempamerkan bangsa yang bermaruah dan berkeperibadian tinggi, di samping dapat mempengaruhi generasi muda untuk menggunakan bahasa yang santun.

Selain itu, penghuraian secara rinci tentang bahasa sarkastik ini dapat mempertingkatkan kemahiran masyarakat bahasa dalam mengesan niat atau tujuan sebenar penyampaian sarkastik ketika berinteraksi. Perkara ini turut penting kerana apabila penutur menyampaikan sarkastik dalam apa jua bentuk, maka pendengar atau pembaca dapat mengetahui tujuan sebenar penutur adalah untuk mengkritik, mencela, menyindir, mengejek, atau sekadar nasihat. Justeru, dengan kemahiran ini dapat memudahkan pendengar dalam menerima mesej yang disampaikan oleh penutur (Gibbs, 2000).

Selanjutnya, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai pencetus idea kepada kajian lanjutan oleh pengkaji lain yang berhasrat untuk mendalami bidang makna bagi tujuan untuk meneroka dan memperhalusi kajian yang berkaitan dengan bahasa sarkastik agar hasil dapatan kajian nanti dapat memberikan satu gambaran yang sebenar tentang ciri-ciri bahasa sarkastik pada masa ini dan dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan ke arah kebahasaan yang lebih kemas.

Akhir sekali, kepentingan kajian ini dapat dilihat dari segi sumbangannya mencari secara terusan pendekatan yang sesuai untuk bahasa sarkastik. Dari semasa ke semasa, kajian berkaitan bahasa ini perlu dijalankan kerana ia sentiasa berkembang mengikut zaman. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan Gibbs dan Colston (2007) yang menyatakan bahawa bahasa sarkastik ini dianggap sebagai satu contoh kreativiti dalam linguistik dan ia harus dikaji dengan lebih mendalam. Diharapkan dengan adanya kajian ini, ilmu bahasa semakin berkembang dan dapat memberikan manfaat kepada pengguna bahasa.

© COPYRIGHT UPM

## 1.7 Definisi Operasional

Dalam konteks kajian ini, terdapat beberapa konsep asas yang difikirkan perlu dihuraikan bagi tujuan untuk memberikan kefahaman yang jelas selari dengan kehendak disiplin dan bidang kajian agar terkawal serta tidak menyimpang daripada objektif yang digariskan. Berikut merupakan konsep asas kajian berdasarkan operasionalnya mengikut rangka pemikiran pengkaji dengan disokong oleh pendapat sarjana bahasa.

### Bahasa Sarkastik

Sarkastik merupakan satu bahasa sindiran yang tajam dan lebih kesat sehingga ia mampu untuk menyakiti hati seseorang yang mendengarnya (Keraf, 2007). Lazimnya, bahasa sindiran jenis sarkastik ini mempunyai tujuan tertentu, iaitu digunakan bagi tujuan untuk memarahi seseorang dengan kata yang lebih kesat berbanding bahasa sindiran yang lain, seperti ironi dan sinisme. Penggunaan sarkastik ini sememangnya mampu untuk mengguris hati sasarannya.

Perkara ini juga disokong oleh Kreuz (2018) dengan menyatakan bahawa pengucapan sarkastik ini sememangnya suatu pengucapan yang kasar atau agresif. Ia diucapkan secara terang-terangan atau tidak berlapik. Lazimnya, pengucapan sarkastik ini dapat membuatkan seseorang terasa atau terguris hati dengan kata-katanya. Namun begitu, bahasa sarkastik ini jarang digunakan oleh masyarakat Melayu melainkan individu tersebut dalam keadaan yang marah (Arba'ie, 2015). Oleh hal yang demikian, penggunaan sarkastik dalam ujaran ini dianggap sebagai suatu bahasa yang telah melanggar etika dalam berkomunikasi (Leech, 2008).

Namun, jika disingkap pada pandangan Gibbs (2000) pula, beliau telah menyatakan definisi sarkastik sebagai bahasa sindiran yang disampaikan dalam pelbagai bentuk, seperti ironi (menggunakan kata yang positif (sindiran halus) dalam situasi yang negatif), agresif (sindiran kesat dan tajam bagi tujuan untuk mencela atau mencemuh), humor (sindiran yang lucu sehingga mencuit hati pendengar), hiperbola (sindiran yang melampau dengan menggunakan ayat yang berlebih-lebihan), persoalan retorik (persoalan yang dibuat secara sindiran), dan kenyataan tidak benar (sindiran yang disampaikan dengan merendahkan sesuatu perihal yang besar). Tujuan penggunaan bahasa sarkastik ini adalah untuk menyindir, mengkritik, mencela, mengejek, dan sebagainya. Gibbs (2000) menyatakan lagi bahawa setiap kategori yang disampaikan itu sememangnya mengandung makna yang tersirat.

Berdasarkan beberapa pandangan ahli bahasa ini jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pendapat tentang bahasa sarkastik. Oleh hal yang demikian, bahasa sarkastik dalam kajian ini merujuk pada bahasa yang bersifat sindiran moden kerana telah mengalami proses transformasi dari sudut bentuk



© COPYRIGHT UPM

dan maknanya dengan mengikut Model Gibbs. Hal ini demikian kerana fenomena pada masa ini telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu lebih gemar menggunakan makna tersirat dalam menyampaikan hasrat, teguran, dan kritikan.

## Media Sosial

Media sosial merupakan sebuah media atas talian yang menyediakan ruang kepada pengguna untuk berhubung dan berinteraksi dengan pengguna yang lain di serata dunia tanpa batasan waktu dan sempadan. Berpandukan pada definisi ini, maka ia dijadikan sebagai salah satu platform komunikasi secara atas talian yang menyokong untuk aktiviti interaksi, berkongsi maklumat, menyampaikan pandangan secara terbuka, mencari kenalan baharu, dan berhibur (Bird, Ling & Haynes, 2012). Penggunaan aplikasi media sosial kini sememangnya mempunyai pengaruh yang amat besar dalam kehidupan kerana penggunaannya bukan sahaja membenarkan perkongsian maklumat berasaskan teks, malah ia juga boleh digunakan untuk berkongsi maklumat dalam bentuk gambar, grafik, video pendek, dan juga pautan untuk dikongsi (Dabner, 2012). Atas kelebihan ini, pengguna media sosial saling bertukar maklumat dan pengetahuan secara terbuka dalam pelbagai bidang, seperti perniagaan, hal ehwal keagamaan, aktiviti kebudayaan, perubatan, politik dan sebagainya menerusi laman, seperti Facebook, WhatsApp, Instagram, dan Twitter (Kietzman et al., 2011). Justeru, dalam konteks kajian ini, laman media sosial Facebook telah dijadikan sebagai platform untuk tujuan proses pengumpulan data kajian.

## Laman Facebook

Laman Facebook merupakan salah satu daripada media sosial. Laman Facebook ini telah berfungsi sebagai satu medan perhubungan yang bertujuan untuk menyampaikan sesuatu mesej dan maklumat kepada masyarakat. Ia dianggap sebagai satu medium komunikasi yang berkesan (Shamsuriyadi, 2010) dan dijadikan penyampaian maklumat yang terpenting (Mohd Yusof, 2010). Hal ini demikian kerana penggunaan laman sosial ini membolehkan komunikasi berlaku tanpa dibatasi oleh waktu dan juga jarak geografi. Dengan kelebihan laman sosial ini, dapat menarik minat masyarakat dunia untuk lebih aktif berkomunikasi, disamping dapat mengeratkan hubungan serta menimba pengetahuan menerusi penggunaannya. Namun, dalam konteks kajian ini, konsep Facebook adalah berbeza dengan konsep yang diberikan sebelum ini berdasarkan kepada perkara yang ingin dikaji oleh pengkaji. Dalam kajian ini, Facebook didefinisikan sebagai media baharu yang terkini dan paling popular pada era ini berikutan statistik penggunaannya, iaitu sebanyak 24 juta pengguna (Iszuanie, 2020). Perkara ini telah membuktikan bahawa laman sosial Facebook sememangnya menjadi pilihan ramai masyarakat Malaysia sebagai medium perhubungan seharian.



© COPYRIGHT UPM

## 1.8 Kesimpulan

Bab ini menjelaskan tentang latar belakang kajian yang berkaitan dengan bahasa sarkastik yang telah mengalami perubahan penggayaannya atas faktor perkembangan teknologi sehingga berlakunya pertembungan budaya dalam laman sosial Facebook. Menerusi latar belakang kajian ini, permasalahan kajian dapat dikenal pasti, iaitu berlakunya kekeliruan bentuk dan percanggahan makna yang disampaikan secara sarkastik. Di samping itu, pengguna bahasa juga turut menggunakan ketidaksantunan bahasa ketika menyampaikan bahasa sarkastik. Berdasarkan permasalahan yang timbul ini, maka penetapan objektif kajian dilakukan dan persoalan kajian ditentukan kerana ia menjadi panduan penting dalam mencapai objektif kajian. Seterusnya, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi operasional turut dibincangkan dengan rinci. Hakikat inilah yang menjadi fokus kajian ini.

© COPYRIGHT UPM

# RUJUKAN


Abdul Mu'ati @ Zamri Ahmad. (2001). Santun Komunikasi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim, & Noor Aida Mahmor. (2016). Kesantunan Bahasa Semasa Berkomunikasi Di Laman Sosial. *Proceeding of the International Conference on Government & Public Affair* 2016 (ICOGPA2016) ISBN 97898344661-7-6.

Alva Septiantya. (2016). *Bentuk, Makna dan Tujuan Tuturan Sarkasme Pada Serial Televisi House Md Episode 1 – 5 Musim 1*. Yogyakarta: Universitas Gadjah Madah.

Anang Sugeng Cahyono. (2016). Pengaruh Media Sosial Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat Di Indonesia. *Publiciana: Vol. 8 No. 1*.

Arba'ie Sujud. (2010). *Apresiasi Bahasa: Interpretasi dan Ekspresi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ari D., Ofer F., Dafna B. dan Rachel G. (2014). On sarcasm, social awareness, and gender. *Humor* 2014; 27(4):551-573.

Ashwin Rajadesingan. (2014). Sarcasm Detection on Twitter: A Behavioral Modeling Approach. *In Proceedings of the 19th ACM SIGKDD International Conference on Knowledge Discovery and Data Mining*, pages 41–49.

Azizah Hamzah. 2010. "Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya" dalam *Jurnal Pengajian Media Malaysia,* 6 (1).

Azura Halid, (2019, Januari 29). 'Wa', 'Lu', 'kencing', 'Bro' dan tersalah emoticon: Cabaran kesantunan dalam media sosial. *Astro Awani*. Diambil daripada: http://www.astroawani.com.my.

Bailey C. A. (2007). A Guide to Qualitative Field Research. *Pine Forge Press.* ISBN: 1412936500, 9781412936507.

Bethany P., Dominic T. Dan Ruth Filik. (2018). Examining The Emotional Impact Of Sarcasm Using A Virtual Environment. *Metaphor and Symbol*, 33:3, 185-197.

Bharti S.K., Pradhan R., Sathya K., Sanjay K. (2015). Sarcastic Sentiment Detection Based On Types of Sarcasm Occuring in Twitter Data. *International Journal on Semantic Web and Information Systems* 13(4).

Bird D. , Ling M. , dan Haynes K. (2012). Flooding Facebook - the use of social media during the Queensland and Victorian floods. *Australian Journal of Emergency Management*, p. 27-33.




© COPYRIGHT UPM

Bryman, A. (2008). *Social research methods. 3rd Edition*. New York: Oxford University Press.

Bryman A. (2012). *Social Research Methods, Fourth Edition*. Oxford University Press.

Burton F. (2009). *A History of Sarcasm*. London: United Kingdom.

Camp E. (2011). Sarcasm, Pretense, and The Semantics/ Pragmatics Distinction. *Journal of University of Pennsylvania*. Pages 1-48.

Carvalho P., Wallace, Hao L. dan Mario J. S. (2009). *Clues for Detecting Irony in User-Generated Contents:Oh...!! It's "so easy"*. NESC-ID Lisboa, Instituto Superior T´ecnico, Universidade de LisboatiSchool, University of Texas at Austin.

Carvalho P., Wallace, Hao L. dan Mario J. S. (2016). *Modelling Context with User Embeddings for Sarcasm Detection in Social Media*. NESC-ID Lisboa, Instituto Superior T´ecnico, Universidade de LisboatiSchool, University of Texas at Austin.

Chang, H.-C., 2010. A new perspective on twitter hashtag use: Diffusion of innovation theory. *Proceedings of the American Society for Information Science and Technology* 47, 1–4.

Clark, H. and Gerrig, R. (1984). On the Pretense Theory of Irony. *Journal of Experimental Psychology General*, 113, pp.121-126.

Creswell JW. (2003). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches, 2nd ed. Thousand Oaks, CA: Sage.

Cummings Louise.(2007). *Pragmatik Sebuah Prespektif Multidisipliner*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Dabner N. (2012). 'Breaking Ground' in the use of social media: A case study of a university earthquake response to inform educational design with Facebook. *The Internet and Higher Education* Volume 15, Issue 1, January 2012, Pages 69-78.

Davidov D., Tsur O., & Rappoport A. (2010). Semi-supervised recognition of sarcastic sentences in twitter and amazon. *In Proceedings of the Fourteenth Conference on Computational Natural Language Learning*, pages 107-116. Association for Computational Linguistics.

Debanjan Ghosh, Alexander Richard Fabbri & Smaranda Muresan. (2017). The Role of Conversation Context for Sarcasm Detection in Online Interactions. *Proceedings of the 18th Annual SIGdial Meeting on Discourse and Dialogue*.



© COPYRIGHT UPM

Diah Kusyani dan Rabiatul Adawiyah Siregar. (2021) Sarkasme Dalam Lirik Lagu Tik Tok: Kajian Semantik. *Prosiding Seminar Nasional Linguistik dan Sastra* (SEMANTIKS).

Ding Choo Ming. (2005). *Bahasa Penjaga Budaya*. Dewan Bahasa: Kuala Lumpur.

Dress M.L., Roger K., Gina M. Caucci, & Kristen E. Link. (2008). Regional Variation in the Use of Sarcasm. *Journal of Language and Social Psychology* 27(1):71-85.

Drucker A. (2011). And They Say Women Don’t Have a Sense Of Humor: On Gender and Sarcasm. *MA dissertation*, Universiti Tel-Aviv, 2011.

Dzemal Spago. (2020). Rhetorical Questions As Aggressive, Friendly Or Sarcastic/Ironical Questions With Imposed Answers. *ExELL (Explorations in English Language and Linguistics)* 8.1 (2020): 68-82.

Faris Fakhira & Zaitul Azma. (2019). Implisit judul berita pilihan raya umum ke 14. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 4 (6). pp. 32-44. ISSN 2504-8562.

Fatin Rabiha Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017). Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing. International *Journal of Language Education and Applied Linguistics* (IJLEAL) ISSN: 2289-7208 print; 2289 9294 online 06 (2017) 13-24.

Farida Nugrahani dan M.Hum. (2017). Penggunaan Bahasa Dalam Media Sosial Cermin Pudarnya Karakter Bangsa. *Jurnal Stilistika*, Vol. 3, No. 1, 2017:1 -18.

Florian Kunneman, Christine Liebrecht, M. V. Mulken, Antal van den Bosch. (2015). *Signalling Sarcasm: From Hyperbole To Hashtag*. Preprint submitted to Information Processing and Management.

Frencesco Barbieri, Horacio Saggion, & Francesco Ronzano. (2014). *Modelling Sarcasm in Twitter, A Novel Approach*. Spain: Pompeu Fabra University.

Ghazali D. & Sufean H. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Grice, H. P. (1975). *Logic and Conversation*. In P. Cole, & J. L. Morgan. (Eds.), Syntax and Semantics, Vol. 3, Speech Acts (pp. 41-58). New York: Academic Press.

Gibbs, R. (1984). Literal meaning and psychological theory. *Cognitive Science*, 8, 275- 304.

Gibbs, R. (1986a). What makes some indirect speech acts conventional? *Journal of Memory and Language*, 25, 181-196.



© COPYRIGHT UPM

Gibbs, R. W. (2000). *Irony in Language and Thought: A Cognitive Science Reader*. New York: Cambridge University Press.

Gibbs, R. W., & Colston, H. L. (2007). *Irony in language and thought: A cognitive science reader*: Psychology Press.

Gonzalez-Ibanez, Muresan S., dan Wacholder, N. (eds.). (2011). Identifying sarcasm in Twitter: A closer look. *Proceedings of the 49th Annual Meeting of the Association for Computational Linguistics: Human Language Technologies*, Portland, Oregon.

Hardiati. (2018). Tindak Tutur Sarkastik Di Media Sosial. *Jurnal Bahasa, Sastra dan Pembelajarannya*, Vol.8. No.1.

Hassan Ahmad (2016). *Bahasa dan pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasyuda Abadi. (2016). Kemungkinan Bahasa kepada Manusia. *Utusan Borneo*. 25 Dec 2016.

Herlina. (2013). Penggunaan Gaya Bahasa Sarkasme Pada Tuturan Remaja". *Jurnal Wacana Dediktika*. Vol.III. No.13.

Herni Serli Yanti Lase, Juan Markus Perangin Angin, Lili Sartika, & Trisnawati Hutagalung. (2021). Penggunaan Gaya Bahasa Sarkasme Pada Lirik Lagu Enau Berjudul "Negara Lucu": Kajian Semantik. *Jurnal Bahasa, Budaya, dan Sastra* Volume 3, No.1, Jun 2021 .h.42-51.

Huang, Yu-Hsiang, Hen-Hsen Huang, dan Hsin-Hsi Chen. (2017). Irony detection with attentive recurrent neural networks. *In European Conference on Information Retrieval*, pages 534–540, Aberdeen.

Hussin Saif. (2009). Keimplisitan Ujaran dalam Hikayat Hang Tuah dari Sudut Pragmatik. Tesis PhD. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Indirawati Zahid, (2012). *Kesantunan Melayu Kearah Situasi Bebas Konflik*. Dlm Marlyna Maros, Mohd. Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (Penyunting). Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa, 170-189. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Iszuanie Che Ilias. (2020). Statistik Pemasaran Media Sosial di Malaysia. Diambil daripada: https://rootofscience.com/blog/2020/sainskomputer/statistikpemasaran/mediasosialdimalaysia-2020/

Jenny Thomas. (1995). *Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics Learning about language*. University of Michigan: Longman.

Joel M. (2012). A History of Sarcasm: Effects of Balanced Use of Sarcasm in a Relationship. *Honors Projects*. 155.



© COPYRIGHT UPM

Johanna M. H. O. (2015). Sarcasm Detection Using Grice's Maxims. *Undergraduate Journal of Humanistic Studies*, Spring 2015, Vol. I.

Johardy Ibrahim (2010, Jun 6). Facebook hampiri angka 500 juta pengguna. *Utusan Malaysia*. Diakses daripada http://www.utusan.com.my.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kietzmann, J. H., Hermkens, K., McCarthy, I.P. and Silvestre, B.S. (2011) Social Media? Get Serious! Understanding the Functional Building Blocks of Social Media. *Business Horizons*, 54, 241-251.

Keraf, G. (1997). *Komposisi: Sebuah pengantar kemahiran berbahasa*. Flores: Nusa Indah.

Keraf, G. (2010). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka.

Kreuz, R. J., & Caucci, G. M. (2007). Lexical influences on the perception of sarcasm. *In Proceedings of the Workshop on Computational Approaches to Figurative Language* (pp. 1–4). Rochester, New York: Association for Computational Linguistics.

Kreuz, R. J. (2018). The use of verbal irony: Cues and constraints. *Metaphor: Implications and applications*, 23-38.

Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An introduction to its methodology (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage.

Laila Amira Rozali. (2017). *Kajian Tentang Penggunaan Unsur Sarkastik Atau Ironi Dalam Kalangan Pengguna Twitter*, P.44-52. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Leech G. (2008). *Principles of Pragmatics*. London: Longman.

Lutfiyani, Burhan Eko Purwanto & Syamsul Anwar. (2020). Sarkasme Pada Media Sosial Twitter Dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran Bahasa Indoneisia. *Jurnal Bahasa, Sastra Indonesia, dan Pengajarannya* Vol. 1, No.2.

Mahmudah, (2012). *Sarkasme Judul Berita Surat Kabar Nasional*. Makasar: Universiti Negeri Makassar.

Martin S., Suzanne E., Thomas W. J. (2020). Qualitative Analysis Of Sarcasm, Irony And Related #Hashtags On Twitter. *Journals Sage Big Data & Society* July–December: 1–15.

Mat Zizi Ismail, Ramli Yaacob, Hamidon Abd Rahman, Nur Fatimah dan Sapinah (2020). *Asas Komunikasi untuk Pemimpin Pendidikan.* Kuala Lumpur: Institut Aminuddin Baki.



© COPYRIGHT UPM

Miles, MB. dan Huberman, AM. (1994). *Qualitative Data Analysis (2nd edition*). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Mohd Hazreen Shah Hassan dan Mohd Roslan Ros. (2016). Bahasa juri dalam program Mentor Legend: satu analisis ragam bahasa Za'ba. *ESTEEM Academic Journal: Social Sciences & Technology*, 12 (2). pp. 1-14. ISSN 1675-7939.

Mohd Shamsuriyadi Mamat. (2010). Gunakan Facebook secara positif. *Utusan Malaysia*. Diakses daripada http://utusan.com.my.

Mohd Suhairi Md Suhaimin, Mohd Hanafi Ahmad Hijazi, Rayner Alfred, & Frans Coenen. (2018). *Mechanism for Sarcasm Detection and Classification in Malay Social Media*. Vol. 24, 1388–1392. United State: American Scientific Publishers.

Mohd Yusof Othman. (2010). Media dan isu alam sekitar. *Jurnal Hadhari* 2(2) 1-17.

Monaliza Sarbini-Zin & Muhammad Nurikhwan Lokman. (2019). Perlanggaran Maksim Kerjasama (Kualiti Dan Kuantiti) Dalam Ucapan Bajet Tahunan Dato' Sri Najib Razak: Sebuah Kajian Pragmatik. *Asian People Journal* (APJ), 2(1), 95-105.

Muhammad Zuhair Zainal, Ahmad Mahmood, & Al-Amin Mydin. (2018). Makna Penutur Bagi Ujaran Tak Langsung dalam Skrip Drama Bahasa Melayu. Jurnal Komunikasi, Jilid 34(2) 2018: 243-262.

Muhammad Zuhair Zainal, Ahmad Fuad Mat Hassan, Al-Amin Mydin & Md. Baharuddin Abdul Rahman. (2020). Makna Ujaran Tidak Langsung Berbentuk Ayat Tanya dalam Skrip Drama Bahasa Melayu dari Sudut Prinsip Makna dalam Interaksi. International Journal of Language Education and Applied Linguistiics.

Muhsyanur Shahrir. (2016). Telaah Sarkasme Pada Judul Berita Dalam Surat Kabar Palopo Pos. *Seminar Nasional Prasasti II "Kajian Pragmatik dalam Pelbagai Bidang"*, Indonesia.

Murugan K. (2018). *Strategi ketidaksantunan bahasa dalam komen Malaysia kini.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mustafa Atan. (2010). Implikatur Dalam Ujaran Watak Dalam Filem Seniman Agung P. Ramlee. PhD thesis. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Nizam Ismail. (2016). The Impact of Social Media on Students' Academic Performance A Case of Malaysia Tertiary Institution. *International Journal of Education, Learning and Training*. Vol.1. No.1. Pp.14-21.

Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: mempertalikan komunikasi, kognisi dan



© COPYRIGHT UPM

semantik. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 32 (1). pp. 1-23. ISSN 0128-1496.

Nur Atikah Ibrahim & Maslida Yusof. (2020). Sindiran dalam Media Sosial: Perspektif Lakuan Bahasa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* Jilid 36 (2) 2020: 269-288.

Nur Hafizah Razali & Normaliza Abd Rahim. (2016). Makna Ujaran Masyarakat Banjar Dari Sudut Pragmatik. *Journal of Business and Social Development* Volume 4 Number 1, March 2016: 55-64.

Nor Hasimah & Melor Fauzita. (2016). Karya Indie: Revolusi Penulis Generasi Baru. *Proceeding of ICECRS, International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA*, p.565-570.

Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan dan Nik Norazira Abd Aziz. (2020). Unsur Disfemisme: Ragam Bahasa dalam Novel 'Kasyaf Ain'. *Sains Insani* 2020, Volume 05 No 1: 157-166.

Noriah Taslim. (2010). Lisan dan Tulisan: Teks dan Budaya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Penny M. P. (2018). How Do We Understand Sarcasm?. Department of Psychology, University of Calgary, Calgary, AB, Canada.

Radiah Yusuf dan Nor Aini Ismail. (2000). Weltanshauung Semantik Melayu Terhadap Sungai: Kajian Makna Tak Harfiah Dalam Bahasa Kiasan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44 (7), 738-748.

Raja Nur Afiqah Raja Zulkifli, Noor Sulastry Yurni Ahmad, Mohd Azizuddin Mohd Sani, & Haslina Muhamad. (2018). Satira Politik: Analisis Internet Trolling di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication* Jilid 34(2) 2018: 223 242.

Reyes A., Paolo R., & Davide B. (2012). From humor recognition to irony detection: The Figurative Language Of Social Media. Data Knowl. Eng., 74:1–12, April.

Rusdi Rusli. (2013).Penggunaan Facebook sebagai Medium Kesedaran Keselamatan Lalu Lintas di Kalangan Pelajar Semester 4, Diploma Kejuruteraan Awam, Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. *Proceeding CiE TVET 2013*.

Rockwell, P. (2005). *Sarcasm on television talk shows: Determining speaker intent through verbal and nonverbal cues*. In A. V. Clark (Ed.), Psychology of Moods (pp. 109–122). New York City: Nova Science Publishers, Inc.

Sa'adiah Ma'alip. (2015). Pemilihan Bahasa Dalam Komunikasi Di Laman Sosial. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* Jilid 31(2) 2015: 231-246.



© COPYRIGHT UPM

Salinah Jaafar. (2003). Fungsi Leksikal “Bunga” Dalam Simpulan Bahasa dan Peribahasa Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa Disember 2005*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal 40-66.

Schreier M. (2012). *Qualitative Content Analysis in Practice*. London: Sage Publication.

Schwarz N. (1996). *Cognition and Communication: Judgmental Biases, Research Methods, and the Logic of Conversation*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.

Sheldon, P. (2008). Student favorite: Facebook and motives for its use. *Southwestern Mass Communication Journal, 23*(2), 39-53.

Shereen Oraby, Vrindavan Harrison, Amita Misra, Ellen Riloff dan Marilyn Walker. (2017). "Are you serious?: Rhetorical Questions and Sarcasm in Social Media Dialog." *To appear in The 17th Annual SIGdial Meeting on Discourse and Dialogue* (SIGDIAL), Saarbrucken, Germany, August 15 17.

Siti Faridah. (2017). *Humor Dalam Sastra Lisan Madihin Banjar*. Yogykarta: Penerbit K-Media.

Siti Norsyahida Mohd A. Rashid & Nor Azuwan Yaakob. (2017). Jenis Bahasa Sindiran Dalam Ujaran Vlog. International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL), Universiti Malaysia Pahang.

Syed Nurulakla, (2015). Analisis Makna Implisit Dan Eksplisit Dalam Penterjemahan Buku ‘Rihlah Ibn Battutah’ Ke Bahasa Melayu. Tesis PhD Dissertation Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Syukri Ghaffar. (2018). Analisis Makna Implikatur Iklan Layanan Masyarakat Di Kota Makassar. *S1 Thesis*. Universiti Negeri Makassar.

Tarigan, H. G. (2009). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Angkasa.

Tepperman, J., Traum, D., & Narayanan, S. (2006). “Yeah right”: Sarcasm recognition for spoken dialogue systems. *In Interspeech* (pp. 1838-1841). Pittsburgh: ICSLP.

Toplak, M., & Katz, A. N. (2000). On the uses of sarcastic irony. *Journal of Pragmatics*, 32, 1467–1488.

Utsumi, A. (2002). Verbal irony as implicit display of ironic environment: Distinguishing ironic utterances from non irony. *Journal of Pragmatics*, 32, 1777–1806.

White, M. D. & Marsh, E. E. (2006). Content Analysis: A Flexible Methodology. *Library Trends*, Vol. 55, No. 1, Summer 2006 (“Research Methods,” edited by Lynda M. Baker), pp. 22–45.



© COPYRIGHT UPM

Wong S. H. (2014). Symbols Used in Tunku Abdul Rahman's Speech Text: an Analysis According to the Relevance Theory. *Jurnal Bahasa*, [S.l.], v. 14, n. 1, p. 60-96, june 2014. ISSN 2462-1889.

Wong S. H. (2014). Ungkapan Implisit dalam Berita Bola Sepak Piala Dunia 2014:Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*. Jilid 14. Bil. 2. DBPKL

Yudhi Dwi Permadi. (2015). *Analisis Gaya Bahasa Sarkasme dalam Filem Crows Zero*. Bandung: Universitas Pendidikan Indonesia.

Zaidi, Wan Muhammad, Zulkifli dan Mat Taib Pa. (2017).

Zaidah Z. (2007). Case Study as a Research Method. *Jurnal Kemanusiaan*, 9, 16.

Zainal Abidin Ahmad. (1965). Ilmu Mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zakaria, Muhamad Zaidi and Wan Sulong, Wan Muhammad and Ismail, Muhd Zulkifli and Pa, Mat Taib (2017) Makna implisit ujaran pertanyaan dalam surah al-Naml. *Jurnal AL-ANWAR*, 1 (3). pp. 67-80. ISSN 0128-0279.

Zikmund, W. G. (2003). Business Research Methods. *7th Edition*, Thomson South Western, Ohio.

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI PENERBITAN

Ezzah 'Afifah Nasrudin, (2019). Perception of Teenagers to The Use of Sarcastic Language. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language,* 2(7), 13-22.

Ezzah 'Afifah Nasrudin & Rohaida Kamaruddin, (2020). Ekstralinguisti Dalam Personaliti Mempengaruhi Pembelajaran Bahasa Melayu Di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Jurnal Dunia Pendidikan*, [S.l.], v. 2, n. 2, p. 158-169, Jun 2020. ISSN 2682-826X.

Ezzah 'Afifah Nasrudin, Norazlina Mohd Kiram, Zuraini Jusoh & Rozita Che Rodi, (2022). Bahasa Sarkastik dalam Laman Sosial Facebook. *International Journal of Social Science Research*, Vol. 4, No. 4. ISSN: 2710-6276.

Ezzah 'Afifah Nasrudin, Norazlina Mohd Kiram, Zuraini Jusoh & Rozita Che Rodi, (2022). Gaya Ironi Sarkastik dalam Laman Sosial Facebook. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, Vol. 9 (2) November 2022.

© COPYRIGHT UPM

# UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

## PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

**SESI AKADEMIK :** Semester Pertama 2022/2023

**TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :**

BAHASA SARKASTIK DALAM LAMAN SOSIAL FACEBOOK

**NAMA PELAJAR :** EZZAH 'AFIFAH BINTI NASRUDIN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (√ )

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | **SULIT** | (mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| ☐ | **TERHAD** | (mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan) |
| ☐ | **AKSES TERBUKA** | Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian. |

Tesis ini akan dibuat permohonan :

☐ **PATEN** *Embargo* ____________ hingga ____________
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

| | |
|---|---|
| ______________________ | ______________________ |
| (Tandatangan Pelajar) | (Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan) |
| No Kad Pengenalan / No Pasport.: | Nama: |
| Tarikh : | Tarikh : |

**[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]**